

Lebih banyak produk tempatan perlu tembusi pasaran Jepun

BH - 3 MAR 2000

KUALA LUMPUR. Khamis — Malaysia mahu lebih banyak barangan keluaran syarikat tempatan menembusi pasaran Jepun, bukan semata-mata produk syarikat negara itu yang beroperasi di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketika ini faedah sehalu cuma menguntungkan Jepun kerana kebanyakan produk yang diekspor dari Malaysia adalah hasil keluaran syarikat Jepun di negara ini.

“Kita ingin melihat produk keluaran oleh orang tempatan turut menembusi pasaran Jepun,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Pengurusan Asean di sini, hari ini.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM), dengan kerjasama Overseas Technical Scholarship (AOTS) Jepun, Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) dan Pusat Pertukaran Sumber Pasifik (Prex).

Majlis sempena ulang tahun ke-20 Kankeiren itu bertujuan meneliti keadaan dan masalah semasa mengenai pembangunan sumber manusia dari negara

Asean yang perlu ditangani.

Seminar turut membincangkan pembangunan masa depan sumber manusia yang boleh menyumbang kepada pembangunan mapan negara ekonomi Asean serta untuk mengukuhkan lagi hubungan Asean dan Jepun.

Perdana Menteri turut mengikuti ucapan secara langsung oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand, Dr Supachai Panitchapakdi dari Bangkok menerusi persidangan video.

Dalam ucapan itu, Supachai juga senada dengan Dr Mahathir, meminta Jepun membeli lebih banyak lagi produk dari negara Asean supaya hubungan dagangan dapat terus dipertingkatkan.

Mengenai kesukaran bagi produk Asean termasuk Malaysia untuk menembusi pasaran Jepun, Dr Mahathir berkata antara lain ia disebabkan masalah prosedur dan yang berkaitan dengan halangan barangan bukan tarif.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata syarikat Jepun boleh membantu pengeluar Asia Tenggara dengan meningkatkan import ke pasaran mereka setelah ekono-

mi negara itu menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang kukuh.

Katanya, Jepun perlu membuka pintu lebih luas untuk menerima masuk lebih banyak produk dari Asia Tenggara bagi membantu pemulihan ekonomi serantau. Sebagai gergasi ekonomi Asia, ia diharapkan memainkan peranan penting dengan mempermudah peluang memasuki pasarnya.

“Seperti diketahui, perdagangan dan pelaburan syarikat Jepun di negara Asean meningkat dengan banyaknya sejak Asean ditubuhkan 33 tahun lalu.”

“Walaupun banyak industri kecil dan sederhana (SMI) Jepun datang ke Asia Tenggara, Asean mcrasakan banyak lagi yang diperlukan untuk membantu SMI yang baru tumbuh di Malaysia. Thailand, Vietnam dan negara anggota lain bagi meningkatkan pembinaan keupayaan kepada latihan kemahiran dan pemindahan teknologi,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, dengan globalisasi dan revolusi teknologi maklumat sekarang, ekonomi baru muncul perlu

dapat memenuhi keperluan besar pembinaan keupayaan dari segi sumber manusia.

Katanya, cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi, dipandu hebat oleh kepandaian maklumat dan teknikal di Malaysia dan negara Asean lain, perlu dihadapi secara berdepan jika mahu terus bersaing.

Beliau berkata, hanya dengan K-ekonomi, negara-negara ini boleh meningkatkan keupayaan mereka bagi produktiviti nilai tambah.

“Oleh itu, bukan hanya perlu untuk menyediakan latihan bagi pengurusan atasan, malah penting untuk mengisi jurang besar memastikan kakitangan berkemahiran peringkat pertengahan dan rendah.

“Hanya selepas kita berjaya secara sistematik meningkatkan kualiti buruh kita, barulah kita boleh mencapai produktiviti ekonomi yang lebih tinggi,” katanya.

Beliau juga berkata, Kankeiren dan Prex boleh memainkan peranan positif dalam membantu negara ekonomi Asean bertukar menjadi ekonomi yang didorong oleh pengetahuan.